



5 Julai 2011
5 July 2011
P.U. (A) 227

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN (PINDAAN) (NO. 3) 2011

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT
(AMENDMENT) (NO. 3) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) (NO. 3) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan)(No. 3) 2011**.

(2) Subperenggan 2(a) mengenai Talent Corporation Malaysia Berhad disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2010.

(3) Subperenggan 2(a) mengenai Teraju Bumiputera Corporation disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Februari 2011.

(4) Subsubperenggan 2(b)(i) dan 2(b)(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 November 2009.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009 [*P.U. (A) 222/2009*] dipinda—

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri dengan memasukkan dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Amanah Raya Berhad” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“ <i>Talent Corporation Malaysia Berhad</i> ”	Mengenal pasti, menyelaras dan melaksanakan inisiatif ke arah memperkukuh bekalan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi
---	---

menjelang tahun 2020 melalui kerjasama erat dan berkesan dengan pakar global, syarikat terkemuka serta agensi Kerajaan yang berkenaan.

Teraju Bumiputera Corporation Meneraju, menyelaras dan memacu penyertaan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi melalui inisiatif baru dan sedia ada serta mengemukakan cadangan pembaharuan yang perlu untuk meningkatkan tahap keberkesanan program serta inisiatif pembangunan Bumiputera

Urus setia untuk Majlis Tindakan Agenda Bumiputera”; dan

(b) berkenaan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar —

(i) dengan menggantikan perkataan “Perancangan Lembah Klang” dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan “Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan yang berikut:

“Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

Pembasmian kemiskinan dalam kawasan bandar di seluruh Malaysia

Perancangan dan pelaksanaan program kesejahteraan penduduk dalam kawasan bandar di seluruh Malaysia”; dan